Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BERITA HARIAN, JUMAAT, 16 JULAI, 1982

## Setahun pimpinan Mahathir (1)

# PM: ISLAM PERTAHAN KEADILAN

Datuk Seri Dr Mahathir bersama Encik Anuar Ibrahim semasa mengumumkan penyertaan Encik Anuar secara aktif dalam UMNO.

**S:** Bolehkah kami tanya tentang Anuar Ibrahim? Ada orang tertanya-tanya: Dia seorang pemimpin yang ber'charisma'. Dia kelihatan jujur. Dia mempunyai hasrat membina Malaysia bercorak Islam. Pengikutnya bertambah ramai.Ada orang tertanya-tanya, dapatkah Datuk mengimbangi tenaga dan pengaruhnya? Dapatkah Datuk memendang jika dia mendesak mahukan Malaysia menjadi negara Islam?

**J:** Saya rasa tak ada apa yang patut dibimbangkan. Kalau dia tetap mentafsir Islam dengan betul, tak perlu dibimbang tentang apa yang dia nak buat. Malah kami memang membuat apa yang dia nak buat, sebab itu dia menjadi calon UMNO. Ramai orang mengaitkan Islam dengan desakan-desakan yang melampau. Itu bukan Islam. Desakan melampau bukan Islam. Islam menyuruh kita menghormati cara orang lain, bertimbang rasa pada orang lain, dan inilah pendirian Anuar. Setahu saya dia tidak menuntut sesuatu yang mustahil dari keraja an. Dia berpendapat kita patut ada Bank Islam dan saya sependapat dengannya. Tak perlu bimbang.

**S:** Secara khusus, ada kebimbangan di kalangan orang yang rapat dan kenal betul dengannya. Umpamanya, soal undang-undang Islam. Dia mahu gantikan undang-undang sekarang dengan undang-undang Islam dan ramai yang menyangka ini baik. Tapi undang-undang Islam bukanlah undang-undang yang lengkap dengan kumpulan 'precedent' zaman-berzaman. Satu hari nanti, bila kedudukan Anuar lebih kuat dan dia serta pengikut-pengikutnya mendesak Datuk melakukan perubahan ini, bagaimana akan Datuk kendalikan?

**J:** Kalau dia tetap berpegang pada semangat Islam, tak jadi masalah. Kita bukan nak memaksakan apa-apa ke atas rakyat. Orang bukan-Islam bimbangkan ini semua. Tapi Islam tidak bernia memaksakan apa-apa ke atas orang bukan-Islam. Menurut Islam, bagimu agamamu, bagiku agamaku: "Lakum dinukum waliya din." Kenapa bimbang?

**S:** Jadi, Datuk tidaklah menolak kemungkinan negara ini menjalankan pemerintahan cara Islam?

**J:** Negara kita sudah pun menjalankan undang-undang Islam bagi hal-hal peribadi orang Islam. Aspek-aspek konsep

DATUK HJ. MOHD ASRI MUDA

keadilan dalam Islam sudah pun ada di dalam undang-undang 'common law' yang kita jalankan di negara ini. Di mana undang-undang yang ada bertentangan sama sekali dengan konsep keadilan dalam Islam, tentulah kita kena timbangkan semula. Tapi setahu saya, penjenayah dihukum dalam Islam, dan dihukum juga dalam sistem lain.

**S:** Tak mungkinkah nanti kita ikut bulat-bulat, misalnya kalau mencuri, potong tangan dan sebagainya?

**J:** Tak banyak negara Islam yang mengamalkannya. Sebabnya, syarat-syarat yang diperlukan hampir mustahil dicapai. Malah kalau kita ikut undang-undang Islam di negara ini, jadi longgar sangat, nanti ramai orang mencuri, sebab mesti adanya empat orang Islam yang salih sebagai saksi untuk membuktikan sesuatu jenayah itu dilakukan oleh seseorang. Kerana masalah ini, banyak negara menjalankan hukuman lain. Tapi kalau kedaan berubah dan rakyat negara ini Islam semuanya, dan salih pula, serta sanggup tampil jadi saksi si anu telah mencuri, bolehlah kita jalankan undang-undang Islam, dan tak ada masalah sesiapa pun mengutuk lagi Islam agama yang pragmatik. Islam mengatakan, orang yang melakukan jenayah mesti dihukum. Itulah yang kita buat.

**S:** Jadi Datuk yakin tiada sebab untuk timbang?

**J:** Rakyat tak perlu bimbang tentang ini. Saya lahu ramai orang bimbang, tapi saya rasa sebabnya ialah mereka kurang faham. Mereka lihat amalan-amalan yang melampau di tempat lain dan mereka ingka itulah yang kita cuntuat di sini. Di negara kita sentiasa berasas ajar.

Kita tak pernah memaksa orang bukan Islam menerima apa-apa yang bertentangan dengan hati nurani mereka, atau semata-mata untuk memaksakan cara kita. Itu tidak patut. Lainlah kalau nanti semua orang dah memeluk agama Islam, tak jadi masalah lagi.

**S:** Bagaimana pendapat dalam Kabinet Datuk? Di kalangan bukan Melayu.

**J:** Anggota Kabinet yang bukan-Melayu tak bimbang pun tentang ini nampaknya. Tak pernah mereka bangkitkan soal itu. Mereka tahu amalan kita di sini selaras dengan konsep keadilan mereka, atau semata-mata untuk memaksakan cara kita. Itu tidak patut. Lainlah kalau nanti semua orang dah memeluk agama Islam, tak jadi masalah lagi.

**S:** Bagaimana pendapat dalam Kabinet Datuk? Di kalangan bukan Melayu.

**J:** Anggota Kabinet yang bukan-Melayu tak bimbang pun tentang ini

**S:** Tapi saya boleh ingat

**J:** Nampak kepada orang yang tak nampak. Tunjukkan apa yang dia buat yang Islam.

**S:** Tak ada. Cuma itu semua.

**J:** Dia cakap sajalah.

**S:** Tapi UMNO baru nak buat

**J:** UMNO sudah buat daripada dulu, sejak UMNO ditubuhkan. Bila mula ditubuhkan, dalam perlembagaannya, satu daripada perkara dimasukkan ialah berkenaan dengan melindungkan kedudukan agama Islam. UMNO-lah yang menjadikan Islam agama rasmi. Dengan kerana agama Islam menjadi agama rasmi hari ini. PAS membuat tuntutan itu tuntutan ini. Apa yang PAS dah buat berkenaan ini? Sebenarnya, sewaktu kita berjuang untuk kemerdekaan, dalam pilihanraya tahun 1955, PAS tak mau merdeka, sebab itu PAS ditolak. PAS kata kita belum sedia lagi nak merdeka. Kita akan ditelan bulat-bulat oleh orang-orang Cina yang ada di sini. Itulah kempen PAS dulu.

**S:** Maksud saya tadi orang UMNO, pemimpin angkatan UMNO, kurang bercakap dengan menyungutkan apa yang dicakap dengan Islam. Yang saya nampak pun, PM pertama, Datuk sendiri lah yang berani bercakap tentang Islam. Selama ini tidak ada PM lain yang bercakap secara konkrit.

**J:** Itu soal bercakap. Soal buat kita dah buat. Barangkali sekarang ini baru kita cakap. Itu lainlah, pasal saya suka cakap barangkali. Tetapi buat kita buat — daripada awal-awal lagi kita dah buat.

**S:** Tetapi kesan di bawah tu lainlah.

**J:** Kesan yang tu kita tak upayalah. Kalau orang tu buat untuk Islam kerana nak cipta kesan, itu sendiri dah bercanggah dengan Islam. Kita kena buat kerana Allah, itu saja.

**S:** Propaganda itu tak bagus.

**J:** Kita bukan ahli propaganda. Kita orang Islam membuat amalan mengikut kehendak agama Islam. Dan kehendak agama Islam, bila kita buat sesuatu, kita jangan canang. Kalau kita keluar derma, janganlah kita nak beri untuk nama. Itu cara Islam. Kalau kita nak masukkan nama kita tak jadi masalah, orang banyak yang masuk nama, tapi sengaja nak buat sesuatu kerana lain tujuan daripada tujuan kebajikan, yang tu dah tak Islam. Kita nak buat cara Islam, buatlah sesuatu benda kerana Islam suruh, bukan kerana nak dapat undi, kerana nak tayang dekat orang. Itu orang lain buat. Saya tak buat macam tu. Dalam UMNO tak buat macam tu. Kalau dikajl, tengok apa yang kita buat sejak kita merdeka, bahkah sebelum kita merdeka, daripada awal UMNO ditubuh, UMNO tak pernah lupa tentang Islam. Ini kenyataan. Kalau orang tak mahu nampak, bukanlah jadi satu usaha kita pula nak kentayang. Ini adalah kerana Islam. Kalau kita nak tukar lambang, pakai bulan bintang, bulankah, ataupun nak bubuh Kaabah, kita boleh buat. Yang tu cuma cap saja, bukan susah. Tetapi soalnya perbuatan yang sebenar. Kalau dikajl antara PAS dengan UMNO, apa yang PAS dah buat? Memecah-belah, mengkafir. Orang Islam dipanggil Yahudi. Kita tau baik-baik bahawa perpaduan, persaudaraan, dituntut oleh agama Islam. Dia kata tak payah, tak payah persaudaraan. Di kampung-kampung dia kata kita tak boleh bersaudara dengan orang UMNO. Kita tau kita tak boleh tuduh seseorang itu bukan Islam, melainkan ia membuat sesuatu yang nyata. Kalau dia pergi dakwah kata Nabi Muhammad bukan Nabi yang akhir, ada lagi satu Nabi, ataupun saya Nabi, pada ketika itu kita boleh kata orang itu bukan orang Islam. Tetapi orang yang tak pernah buat begitu, yang membuat amal ibadat macam orang lain juga, kita tak boleh tuduh dia bukan Islam. Kita tak boleh baca hatinya. Tetapi bila PAS buat begitu, orang kata ini baik, pasal PAS parti Islam.

**S:** Sungguhpun UMNO yang memainkan peranan yang sebenar, tapi yang nampak memainkan peranan ialah PAS, bukan UMNO.

**J:** Tak apalah. Kita serah kepada Allah. Kalau saya cakap tentang Islam, sebabnya ialah ini, perlukan penjelasan, bukan sebab nak kempen sebab saya nak terangkan apa yang saya nak buat. Kalau kita nak buat Universiti Islam, memang jadi cita-cita kita, tetapi pada satu ketika, belum sampai masanya, kita jangan kata lagi. Bila sampai masanya kita boleh buat, masa tu kita buat dan kita beritahu orang yang kita nak buat.

**S:** Tapi memang ucapan-ucapan Datuk selalu ada kaitan dengan Islam.

**J:** Itu lebih merupakan soal peribadi, sebab saya mirip kepada agama. Tapi tidak bermakna bahawa orang lain yang tak bercakap tu tak mirip, cuma dia tak bercakap saja.

**S:** Soal pecah-belah, Datuk, sudah sampai di masjid, surau dan sebagainya, bukan lagi tertumpu kepada kenduri kahwin. Sudah merebak kepada mati, sakit. Malah sekarang akad nikah pun sampai buat dua kali, takut tak sah nikah.

Apakah yang sedang dan akan dijalankan oleh kerajaan kita untuk menyekat ini daripada berlaku, selain daripada menggunakan undang-undang?

**J:** Kita tak gunakan undang-undang. Kita lebih cenderung membuat penerangan, penjelasan, kepada orang ramai tentang Islam, amalan Islam yang sebenar. Yang dibuat ini bukan Islam. Bahkan bertentangan dengan Islam. Kalau kita ambil tindakan, orang kata kita menyekat agama, sebab mereka tak tahu bukan Islam. Jadi kita kena beri penerangan.

**S:** Jentera penerangan PAS nampaknya lebih baik daripada jentera penerangan UMNO. Di kampung-kampung sampai sekarang ini mereka masih menjalankan kempen, sedangkan orang UMNO dah bersenang-senang.

**J:** Bukan orang UMNO bersenang-senang. Tetapi bila nak buat benda yang tak baik, orang selalu rajin. Kalau benda yang baik, orang biasanya malas sikit. Itu tabiat manusia. Kalau kita marah kerana kita tak dapat sesuatu, kita kerja kuat. Kalau kita dah dapat, kita tak kerja. Ini yang susah. Ini tabiat manusia.

**S:** Tetapi kadang-kadang pemimpin-pemimpin PAS di kampung lebih mendekati jiwa orang kampung, misalnya dari segi peribadinya, caranya bercakap, berbanding dengan wakil-wakil UMNO yang selalunya terlampau berlagak.

**J:** Saya tak setuju Wakil Rakyat UMNO berlagak. Menteri Besar Perlis yang lama tu, tidur di masjid. Menteri Besar Selangor yang baru, jadi imam. Ada juga. Bukan PAS saja yang boleh buat macam tu.

Tetapi ini kita buat dengan ikhlas, bukan dengan tujuan nak pengaruh orang kerana pilihanraya. Dulu di Kelantan tak ada orang (PAS) yang buat kerja macam tu. Sebab politik mereka nak buat. Kita tak benah, tak semak semata kerana politik.

**S:** Macam kempen hari ini, orang PAS pergi kempen, pakai baju Melayu, baju biasa, tetapi yang saya ikut satu kempen orang UMNO pakai baju sutera, pergi dengan BMW ke kampung yang jalannya tanah merah. Orang kalah.

**J:** Kalau orang nak kata, dia cari jalan nak kata. Itu atas orang, kalau orang tak suka dia buat macam tu, tak usah undi dia. Undilah PAS. Tengoklah apa yang kita dapat. Kalau kerana marahkan orang pakai baju sutera, kita undi orang yang tak pakai baju sutera, akhirnya kita pun tak dapat apa. Yang itu kita punya masalah.

**S:** Wakil Rakyat begini, sayangnya memberi imej UMNO (yang tidak baik) kepada orang-orang kampung.

**J:** Tak, saya tak percaya. Orang kata sebab orang nak kata. Bila seorang tu berjaya, kita nak cari saja benda-benda yang buruk berkenaan dengannya. Masa PAS naik dulu pun, masa PAS dalam kerajaan, PAS pun kena maki juga. Ingat dulu apa kita kata tentang Asri, sombong, naik motokar Mercedes? Sebab dia berjaya. Sekarang dia bukan kurang duit. Dia dapat pencen $8,000, tapi untuk politik, pakai semutar, pakai capal. Pergi ke kampung jadi imam kerana agama ataupun kerana politik? Kerana nak sembah Tuhankah, nak sembah apa?

**S:** Soal perpecahan, terutama di negeri Islam, ia bukan saja mempengaruhi aspek kemasyarakatan, tetapi aspek ekonomi orang Melayu sendiri. ASN tidak dapat dijual di Kelantan. Salah satu sebabnya ialah agama. Orang ramai dikelirukan.

**J:** Itu bukan soal agama — soal salah faham. Soal penerangan yang dibuat oleh orang-orang yang nak menggagalkan usaha ASN, nak menjadikan orang Melayu lemah. Tetapi kalau orang Melayu dah tertipu dengan pendapat-pendapat yang semacam ini, apa kita nak buat. Kita cuma boleh beri penerangan saja, dan kita sedia memberi penerangan sepanjang masa.

**S:** Implikasinya ialah memundurkan orang Melayu secara berterusan.

**J:** Ya, tetapi nasib baik, bukanlah semua orang bersetuju dengan pendapat ini. Kebanyakan orang Melayu masih boleh faham penerangan yang kita buat, yang orang UMNO buat.